

SOALAN NO. 35

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' FAUZI BIN ABDUL
RAHMAN [INDERA MAHKOTA]**

TARIKH : 20 OKTOBER 2016

SOALAN :

**YB Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota] minta PERDANA
MENTERI menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk
mengatasi masalah ketirisan dan pembaziran kewangan negara
sepertimana yang dilaporkan di dalam Laporan Ketua Audit Negara
beberapa tahun kebelakang ini.**

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan amat memandang serius terhadap teguran-teguran dalam Laporan Ketua Audit Negara yang diterbitkan pada setiap tahun. Oleh yang demikian, Kerajaan telah dan akan mengambil tindakan-tindakan lebih tegas dan proaktif untuk mencegah ketirisan, penyelewengan dan salah guna kuasa dalam urusan hal kewangan di semua Kementerian dan agensi-agensi Kerajaan seperti yang dilaporkan oleh Ketua Audit Negara seperti berikut:

- (a) melaksanakan pelbagai inisiatif melalui Program Transformasi Kerajaan bagi meningkatkan tahap ketelusan dan akauntabiliti jentera pentadbiran Kerajaan khususnya inisiatif di bawah bidang Keberhasilan Utama Negara - Memerangi Rasuah iaitu:
 - (i) Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara di Parlimen sebanyak dua kali setahun;
 - (ii) Pelaporan melalui *AG's Dashboard* Versi 2 yang boleh diakses dalam talian oleh rakyat atau orang awam bagi memaparkan status tindakan auditi melalui sistem lampu isyarat iaitu merah (tiada tindakan), kuning (dalam tindakan) dan hijau (selesai); dan

- (iii) Penubuhan Jawatankuasa Tindakan Laporan Ketua Audit Negara bagi membolehkan Ahli Tetap Mesyuarat yang terdiri daripada wakil Jabatan Peguam Negara, Kementerian Kewangan Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Unit Perancang Ekonomi membincangkan isu-isu laporan audit terutama yang melibatkan tindakan penambahbaikan terhadap sistem dan prosedur kerja atau tindakan *punitiv* terhadap pegawai-pegawai yang melanggar peraturan.
- (b) menambah baik aspek pengurusan perolehan dan pembangunan projek dan mengenalpasti peraturan serta polisi yang perlu dikaji/dipinda seiring dengan perkembangan semasa;
- (c) memperluaskan program latihan bagi memantapkan kompetensi pegawai yang terlibat dengan tugas-tugas kewangan / pembangunan dan perolehan. Sejak 2014 sehingga Jun 2016, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) telah melatih 173 pegawai bagi Kursus Pensijilan Pengurusan Projek Awam Bersepadu (3PAB) dan 228 pegawai bagi Kursus Sijil Pentauliahan Perolehan Kerajaan.

- (d) JPA bersama-sama SPRM melalui Unit Integriti Kementerian dan Institut Integriti Malaysia (IIM) telah dan akan terus mempertingkatkan nilai-nilai integriti penjawat awam. Pada tahun 2010 dan sehingga Mei 2016, seramai 439 pegawai telah menjalani program Persijilan Pegawai Integriti Bertauliah Atau Certified Integrity Officer (CeIO);
- (e) melaksanakan pusingan kerja terhadap pegawai-pegawai yang menjawat jawatan sensitif. Bagi fasa pertama, pada 18 April 2016, lapan puluh (80) pegawai di bahagian kewangan, pembangunan dan perolehan bertukar agensi dan skop kerja iaitu 55 bertukar Kementerian dan 25 bertukar bahagian dalam Kementerian yang sama. Pusingan kerja ini bukanlah urusan *one-off* sebaliknya akan dibuat secara berterusan yang juga akan melibatkan pegawai-pegawai yang menguruskan dana/geran, permit/lesen dan penguatkuasaan undang-undang;
- (f) Unit Audit Dalam Kementerian/jabatan memfokuskan 40% daripada keseluruhan aktiviti pengauditan kepada perolehan Kerajaan;
- (g) membuat kawalan dalaman bagi mengelakkan salah laku melalui tindakan tatatertib terhadap pegawai yang terlibat; dan
- (h) bagi kesalahan yang melibatkan unsur-unsur jenayah atau rasuah, laporan akan dibuat kepada pihak PDRM dan SPRM untuk menjalankan siasatan lanjut.

Sekian, terima kasih.